PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2 PENGGAL 1
SMK KAPIT NO.2, KAPIT

Nama : ……...

Nombor kad pengenalan: ..... Nombor pusat/angka giliran: .....

900/1 STPM

PENGAJIAN AM

KERTAS 1

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Untuk kegunaan pemeriksa

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Calon dikehendaki menjawab **semua** *soalan dalam Bahagian A dan* ***satu*** *soalan dari Bahagian B dan* **dua** *soalan dalam Bahagian C.*

Ada ***lima belas*** *soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh* ***empat*** *pilihan jawapan. Pilih* ***satu*** *jawapan yang betul dan tandakan jawapan itu pada kertas soalan.*

Calon dikehendaki menjawab ***semua*** *soalan dalam Bahagian B. Jawapan Bahagian C ditulis pada kertas yang berasingan.*

Mulakan setiap jawapan anda pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama dengan kertas soalan ini.

Markah untuk tiap-tiap bahagian soalan dan soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].

Bahagian A	
Bahagian B	
1	
2	
3	
4	
Bahagian C	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada 9 halaman bercetak.
STPM 900/1

Sila koyakkan di sepanjang garis putus-putus ini.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Jawab **semua** *soalan*

1. Mengapakah Malaysia dikatakan sebuah negara berdaulat

   I Kerajaan mampu memelihara keselamatan negara

   II Mengamalkan sistem ekonomi pasaran terbuka

   III Perlembagaan Persekutuan menjadi asas pemerintahan

   IV Mempunyai dasar alam sekitar

   A. I dan II

   B. I dan III

   C. II dan IV

   D. III dan IV

2. Semua pernyataan yang berikut adalah benar tentang sistem kerajaan kecuali

   A. Kerajaan Kesatuan merupakan penyusunan politik yang membolehkan Kerajaan Pusat mempunyai segala kuasa pentadbiran

   B. Kebanyakan kuasa pemerintahan dikekalkan oleh negeri-negeri dalam sistem Kerajaan Konfederasi

   C. Setiap peringkat kerajaan mempunyai autonomi perundangan tertentu dalam sistem Kerajaan Persekutuan

   D. Kerajaan Kesatuan lebih kukuh dan stabil pertahanannya

3. Seseorang warganegara asing yang ingin memperoleh kewarganegaraan Persekutuan dengan cara kemasukan mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

   I. Berumur lebih daripada 18 tahun

   II. Mempunyai pengetahuan yang memadai dalam Bahasa Melayu

   III. Telah bermastautin di Persekutuan bagi tempoh yang dikehendaki

   IV. Tidak mempunyai sebarang kecacatan anggota

   A. I dan II

B. I dan IV

C. II dan III

D. III dan IV

4.

• Pindaan terhadap beberapa perkara tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan hanya dianggap lulus jika mendapat sokongan majoriti 2/3 Majlis Parlimen pada bacaan kali kedua dan ketiga serta persetujuan Majlis Raja-raja

Antara yang berikut, yang manakah tertakluk kepada pernyataan tersebut?

I. Pindaan terhadap kedaulatan Raja-raja

II. Pindaan terhadap kedudukan istimewa orang-orang Melayu

III. Pindaan terhadap imuniti undang-undang ahli Parlimen yang menyatakan mereka tidak boleh didakwa di mahkamah atas sebarang perbuatan jenayah

IV. Kelulusan belanjawan negara yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan

A. I dan II

B. I dan III

C. II dan III

D. III dan IV

5. Dewan Undangan Negeri dikira tempoh genap usianya selama lima tahun dari tarikh

A. Pengundian dijalankan

B. Keputusan pilihan raya diwartakan

C. Persidangan pertama Dewan Undangan Negeri

D. Menteri Besar atau Ketua Menteri mengangkat sumpah jawatan

6. Pilih padanan yang sesuai bagi kes dan mahkamah yang mengadilinya.

I. Pihak majikan tidak puas hati dengan perintah mahkamah untuk mengambil balik pekerja yang telah dipecatnya

II. seorang lelaki Islam dituduh berkhalwat dengan seorang perempuan bukan Islam

III. membuat rayuan terhadap kesalahannya menyimpan harta curi dan wang palsu

IV. dituduh menghina mahkamah dengan tidak menghadiri perbicaraan kecurian basikal di Mahkamah Majistret

Jenis Mahkamah	Mahkamah Tinggi	Mahkamah Syariah	Mahkamah Rayuan	Mahkamah Majistret
A	I	IV	III	II
B	I	II	III	IV
C	II	III	I	IV
D	III	II	I	IV

7.

- Suatu arahan telah dikeluarkan kepada Encik S supaya menghadirkan diri di mahkamah untuk menjadi saksi dalam kes pembunuhan yang berlaku di rumah jirannya

Dokumen yang dimaksudkan ialah

A. *Afidavit*

B. *Sapina*

C. *Mandamus*

D. *Habeas Corpus*

8. Yang manakah alasan bagi sesuatu keputusan pilihan raya boleh dicabar di mahkamah?

I. Perbuatan rasuah pengundi yang dilakukan oleh calon pilihan raya

II. Ketidakpatuhan calon terhadap peruntukan undang-undang pilihan raya

III. Calon gagal menurunkan poster dan bendera parti selepas hari mengundi

IV. Calon gagal menghantar penyata pilihan raya dalam tempoh yang ditetapkan

A. I dan II

B. I dan III

BAHAGIAN B

[15 markah]

Jawab s**emua** soalan.

16. Senaraikan tiga fungsi badan Kehakiman. [3]

i. _____

ii. _____

iii. _____

17. Nyatakan **empat** faktor yang boleh menjejaskan daya saing negara. [4]

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

18. Nyatakan **empat** tugas Perbendaharaan sebagai agensi pusat. [4]

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

19. Nyatakan **empat** kesan akibat sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lemah. [4]

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

SMK KAPIT NO.2
SKEMA PEMARKAHAN PENGAJIAN AM KERTAS 1 (900/1)
PERCUBAAN 2 STPM SEMESTER 1 TAHUN 2023

Bahagian A [*15 markah*]

No Soalan	*Jawapan*	*No soalan*	*Jawapan*	*No Soalan*	*Jawapan*
1	**B**	6	**B**	11	**C**
2	**C**	7	**B**	12	**A**
3	**C**	8	**A**	13	**A**
4	**A**	9	**D**	14	**B**
5	**C**	10	**C**	15	**B**

Bahagian B [*15 markah*]

Jawab **semua** *soalan*

16. Senaraikan tiga fungsi badan kehakiman (3 markah)

Bil	Isi/Idea
1.	Melindungi hak-hak asasi manusia
2.	Mentafsir Perlembagaan dan undang-undang
3.	Menentukan keesahan sebarang tindakan atau undang-undang
4.	Menjadi pentadbir keadilan / membicarakan kes-kes sivil dan jenayah
5.	Menyemak undang-undang yang diluluskan oleh DUN

Pilih mana-mana 3

17. Nyatakan empat tugas Perbendaharaan sebagai agensi pusat (4 markah)

Bil	Isi/Idea
1.	Merancang dasar kewangan negara
2.	Merancang belanjawan negara / Menyedia dan memantau belanjawan
3.	Menganalisis ekonomi negara dan ekonomi antarabangsa
4.	Mendapatkan sumber kewangan negara
5.	Mengagihkan kewangan kepada agensi kerajaan
6.	Merumus dan melaksanakan dasar percukaian
7.	Menyelia dan mengatur industri insurans
8.	Menggubal dan menyediakan prosedur dan tatacara sistem pengurusan kewangan semua agensi awam
9.	Menubuh dan menyusun semula syarikat-syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan

Pilih mana-mana 4

18 Nyatakan empat faktor yang boleh menjejaskan daya saing negara (4 markah)

Bil	Isi/Idea
1.	Prestasi ekonomi yang lemah / Kegawatan ekonomi luar atau dalam negara
2.	Kerajaan yang tidak atau kurang cekap / Tadbir urus lemah
3.	Ketidakcekapan sektor perniagaan negara
4.	Kekurangan infrastruktur
5.	Rakyat kurang ilmu pengetahuan / Kelemahan sektor pendidikan / Kekurangan tenaga mahir dan separa mahir
6.	Gaji rakyat rendah
7.	Ketidakstabilan politik

Pilih mana-mana 4

Nyatakan empat kesan akibat sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lemah (4 markah)

Bil	Isi/Idea
1.	Kos operasi tadbir urus meningkat / tinggi
2.	Bilangan aduan tentang ketidakpuasan meningkat / tinggi
3.	Wujud budaya kerja negatif yang berleluasa
4.	Menjejaskan hubungan dan kepercayaan antara kerajaan dengan pemegang kepentingan atau pelanggan
5.	Menjejaskan pembangunan negara
6.	Menjejaskan reputasi sektor awam
7.	Mengikis keyakinan pelabur asing

Pilih mana-mana 4

20. Kurangnya integriti dalam kalangan penjawat awam telah menimbulkan pelbagai kesan terhadap perkhidmatan awam. Beberapa kelemahan dalaman telah dikenal pasti sebagai faktor yang boleh menjadi sebab kurangnya integriti dalam kalangan penjawat awam. Bincangkan. (3+2)

Bil	**Isi**	**Huraian**
Kesan kurang integriti dalam kalangan penjawat awam		
1.	Meminta / menerima rasuah	• Biro Pengaduan Awam (BPA) telan menerima beberapa aduan daripada masyarakat • Kelewatan memberi perkhidmatan • Tiada tindakan • Kualiti perkhidmatan tidak memuaskan terutama perkhidmatan kaunter • Memeras ugut • Kakitangan dalaman menerima rasuah bagi memastikan kelancaran urusan. • Menerima rasuah untuk pemebrian tender atau mempercepatkan bayaran
2.	Etika kerja yang buruk	• Penjawat awam tidak mahu bertanggung jawab atas tindakan • Meletakkan tanggungjawab kepada orang lain. • Sifat malas, acuh tak acuh • Mementingkan diri sendiri • tidak jujur, tidak amanah • Mengemukakan tuntutan palsu • mencemarkan imej jabatan
3.	Salah guna kuasa	• Memberi kontrak pada ahli keluarga, kenalan. • Memberi lesen, permit dan kontrak tanpa mengikut peraturan • Memohon sumbangan daripada pihak luar untuk menjalankan aktiviti dalaman
4.	Kegagalan penguatkuasaan	• Menerima rasuah • Tidak amanah • Membocor maklumat kerajaan • lewat mengambil tindakan • Kurang pemantauan • Penguatkuasaan gagal

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta